



SPNB bina 23,115 rumah

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina sebanyak 23,115 buah rumah mampu milik dan rumah mesra rakyat sejak 2008 hingga 2011 di seluruh negara memabitkan kos berjumlah RM1.87 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim Siang Chai berkata, ia memabitkan sebanyak 14,467 rumah mampu milik dengan kos RM1.2 bilion dan 8,648 rumah mesra rakyat dengan perbelanjaan sebanyak RM604.6 juta.

Katanya, mengikut pecahan, SPNB banyak membina rumah mampu milik di Selangor iaitu sebanyak 3,781 unit diikuti Sarawak (2,115 unit) manakala hanya 192 unit (Perak).

“Bagi rumah mesra rakyat, se-

banyak 1,342 unit rumah jenis itu dibina di Johor, 1,152 (Terengganu) dan tiga (Labuan),” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan **Datuk Mohd. Jidin Shafee (BN-Setiu)** yang bertanyakan jumlah rumah yang dibina SPNB mengikut pecahan dan modal bagi tujuan tersebut.

Dalam pada itu, menjawab soalan tambahan Mohd. Jidin mengenai projek terbengkalai, Donald mengakui terdapat projek SPNB yang bermasalah dan syarikat itu telah mengambil tindakan ke atas kontraktor terlibat.

Sementara itu menjawab soalan tambahan **M. Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat)**, Donald menafikan dakwaan bahawa pemberian kontrak bagi projek SPNB dibuat secara tertutup.